

**DAP Akan Adakan Pemilihan Semula CEC - Karpal
Bernama
15 Ogos, 2013**

KUALA LUMPUR, 15 Ogos (Bernama) -- DAP akan mengadakan pemilihan semula jawatankuasa eksekutif pusat (CEC) bagi mengelakkan pendaftaran parti itu batalkan, kata Pengerusinya Karpal Singh.

Karpal dalam satu kenyataan Khamis, berkata perkara itu diputuskan malam semalam.

CEC bagi penggal 2008-2011 akan bermesyuarat Khamis depan untuk melakukan persiapan bagi pemilihan semula, katanya.

Pada 30 Julai lepas, ROS memutuskan DAP mengadakan pemilihan semula CECnya selepas badan itu tidak berpuas hati dengan penjelasan yang diberikan oleh parti berhubung dakwaan penyelewengan pengundian dan manipulasi undi membabitkan 547 perwakilan pada pemilihan yang diadakan 15 Dis lepas.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=970139>